

# ANALISA UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA DAN DOMESTIK MENGENAI PERLINDUNGAN ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN YANG MENETAP DI MALAYSIA

Tamara Joan Duraisingam  
tamarajoan.duraisingam@gmail.com

## Abstrak

Masalah perundangan tentang orang tanpa kewarganegaraan wujud dalam segelintir masyarakat di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengkategorikan orang tanpa kewarganegaraan dalam sistem perundangan antarabangsa dan Malaysia. Punca-punca dan kesan-kesan akibat masalah orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia ditentukan diikuti dengan penilaian tahap keberkesanan undang-undang domestik dan antarabangsa yang sedia ada bagi melindungi orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Skop kajian ini adalah terhad kepada orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia yang *de facto* dan *de jure*, khususnya kanak-kanak jalanan Sabah, kaum India tanpa dokumen yang tinggal di ladang-ladang di Semenanjung Malaysia, Orang Asli tanpa dokumen di Semenanjung Malaysia dan masyarakat Rohingya yang mempunyai tempat penempatan biasa di Myanmar tetapi kini menetap di Semenanjung Malaysia. Kajian ini melibatkan kajian yang berasaskan dua disiplin iaitu undang-undang dan sosiologi. Fenomena undang-undang orang tanpa kewarganegaraan dikaji dengan menganalisa data sekunder tentang kumpulan orang tanpa kewarganegaraan yang dikenal pasti dalam penyelidikan. Konvensyen utama dan sekunder diterangkan dan dianalisa untuk menentukan kemampuan undang-undang antarabangsa dalam memperuntukkan hak-hak kepada orang tanpa kewarganegaraan yang menetap di Malaysia. Kajian ini juga melihat kemungkinan orang tanpa kewarganegaraan menikmati hak yang sama dengan yang tersedia kepada orang-orang pelarian yang menetap di Malaysia. Kewujudan hak-hak tersebut bergantung kepada penyertaan negara dalam konvensyen utama yang dikaji dalam penyelidikan ini. Kajian ini menggunakan suatu pendekatan serampang dua mata untuk menyumbang kepada pengembangan ilmu tentang kedudukan orang tanpa kewarganegaraan yang menetap di Malaysia. Pertama, inisiatif serantau dan domestik yang dikenali sebagai kaedah '*top-down*', '*bottom-up*' dan '*hybrid*' diikuti dengan pendekatan tafsiran kehakiman yang liberal dicadangkan sebagai kaedah baru untuk membawa peruntukan undang-undang antarabangsa yang melindungi orang tanpa kewarganegaraan kepada Malaysia. Kedua, penyelidikan ini meninjau prospek pemberian kewarganegaraan kepada kumpulan orang tanpa kewarganegaraan yang kini tidak diberikan peluang kewarganegaraan di Malaysia melalui peruntukan-peruntukan asas berkenaan kewarganegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

# INTERNATIONAL AND DOMESTIC LEGAL ANALYSIS ON THE PROTECTION OF STATELESS PERSONS RESIDING IN MALAYSIA

Tamara Joan Duraisingam  
tamarajoan.duraisingam@gmail.com

## Abstract

The legal problem of statelessness exists within certain communities in Malaysia. The objective of the research is to identify and categorise stateless persons within the international and Malaysian systems of law. The causes and consequences of statelessness that arise in Malaysia is determined followed by an evaluation of the effectiveness of existing domestic and international law that protect stateless persons in Malaysia. The scope of the research is limited to *de facto* and *de jure* stateless persons in Malaysia, in particular the street children of Sabah, the Indians without documents residing in estates in Peninsular Malaysia, the Orang Asli without documents of Peninsular Malaysia and the Rohingya who have habitual residence in Myanmar but are currently residing in Peninsular Malaysia. The research adopts an interdisciplinary study based upon law and sociology. The legal phenomenon of statelessness is studied through an analysis of secondary data available on the groups of stateless persons identified within the research. Primary and secondary conventions are described and analysed to determine the ability of international law to provide rights to stateless persons residing in Malaysia. The research looks at the possibility of stateless persons enjoying rights similar to those available to refugees residing in Malaysia. Availability of rights is dependent on accession to the primary conventions studied in the research. The research applies a two-pronged approach to expanding the body of knowledge on stateless persons residing in Malaysia. Firstly regional and localised initiatives known as the ‘top-down’, bottom-up’ and ‘hybrid’ approaches coupled with liberal judicial interpretation techniques are proposed as novel methods of incorporation of international law on protection of stateless persons within Malaysia. Secondly the research explores the prospect of granting citizenship to stateless groups currently deprived of citizenship in Malaysia through the basic provisions on citizenship contained within the Federal Constitution of Malaysia.